

**IKLAN JAWATAN KOSONG
DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PUSTAKAWAN
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : S29
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM1,493.00	RM5,672.00

1.1 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Memiliki
- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1,493.00); atau
 - iii. Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1,770.95)

1.2 Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

1.3 Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pustakawan dan Pembantu Pemuliharaan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pustakawan Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

1.4 Deskripsi Tugas

- (a) Mengendali pembangunan sumber maklumat, pendokumentasian dan pengurusan maklumat, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna perpustakaan
- (b) Melaksanakan aplikasi ICT di perpustakaan, mengendali pemuliharaan dan keselamatan sumber maklumat serta membantu kerja kewangan

2. (a) Jawatan : **PEMBANTU PUSTAKAWAN
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : S19
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM1,352.00 RM4,003.00

2.1 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Memiliki
- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan pada Gred S19 : RM1,352.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan pada Gred S19 : RM1,408.40); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan pada Gred S19 : RM1,464.80)

2.2 Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.3 Deskripsi Tugas

- (a) Menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan, termasuk pinjaman antara perpustakaan.

PERATURAN PERMOHONAN

- i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang boleh didapati di:-

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG
JKR 2118 JALAN PERPUSTAKAAN
SEBERANG JAYA, 13700 PERAI**

- ii) Untuk keterangan lanjut sila layari laman web <http://www.penanglib.gov.my>
- iii) Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah disampaikan kepada:-

**PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG
JKR 2118 JALAN PERPUSTAKAAN
SEBERANG JAYA
13700 PERAI**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

11 OGOS 2021

PERMOHONAN AKAN DITOLAK

- i) Permohonan yang tidak melalui Ketua Jabatan bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat
- iii) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
- iv) Tidak lengkap atau tidak terang
- v) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
- vi) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen diperlukan
- vii) Tidak menandatangani borang permohonan

CATATAN AM

- i) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 6 bulan
- ii) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga
- iii) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri
- iv) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan
- v) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang cergas dan mempunyai daya inisiatif / komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.

SILA PATUHI STANDARD OPERATING PROCEDURE (S.O.P) YANG DISEDIAKAN.